SAMPEL PERCUMA

Kertas PPC 2025 Perak Prinsip Perakaunan + Jawapan

Set penuh: Kertas Trial SPM

Prinsip Perakaunan (40+ set)

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- Folder Google Drive · Perakaunan 40+ set

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

1 Apakah tujuan penubuhan Institut Akauntan Malaysia Malaysian (MIA)?

A Meneliti skop dan penggunaan piawaian perakaunan
B Mengawal dan memperkenalkan profesion perakaunan
C Melaksanakan fungsi yang diarahkan Menteri Kewangan
D Mengeluarkan pernyataan prinsip bagi pelaporan kewangan

2 Pernyataan berikut diperoleh daripada Permata Mart.

> Pada 1 Januari 2023, perniagaan membeli sebuah lori yang bernilai RM65 000. Pada 31 Disember 2024, perniagaan merekodkan RM65 000 ke dalam buku perakaunannya walaupun harga pasaran RM45 000. Kadar susut nilai ditetapkan sebanyak 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.

Manakah antara yang berikut konsep perakaunan yang dipatuhi?

I Tempoh perakaunan
II Entiti berasingan
III Prinsip kos
IV Ketekalan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

3 Berikut adalah urus niaga Perkongsian Tangan Emas.

> Membeli mesin terpakai secara kredit daripada Syarikat Motor Berhad pada harga RM55 500.

Apakah kesan urus niaga ke atas persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Bertambah	Berkurang	Tiada kesan
B	Bertambah	Bertambah	Tiada kesan
C	Berkurang	Tiada kesan	Berkurang
D	Tiada kesan	Bertambah	Berkurang

4 Apakah catatan kontra kepada Akaun Aset?

A Ambilan
B Pulangan jualan
C Pulangan belian
D Susut nilai terkumpul

19 Maklumat berikut diperoleh daripada Bengkel Nuar Trading.

	RM
Mesin (kos)	36 800
Susut nilai terkumpul mesin	7 360

Mesin tersebut telah dijual pada harga RM27 200.

Berapakah untung atau rugi pelupusan mesin?

A Rugi pelupusan RM2 240
B Rugi pelupusan RM9 600
C Untung pelupusan RM2 240
D Untung pelupusan RM9 600

20 Berikut adalah keratan cek Perniagaan Gaya Setia.

Tarikh : 15 April 2025
Penerima : ST Stationery Enterprise
Untuk : Alat tulis

	RINGGIT	SEN
Baki akhir	11 340	00
Deposit	0	0
Jumlah	11 340	00
Cek ini	310	00
Baki	11 030	00

MBB 540243

Kerani akaun telah merekod alat tulis RM130 dalam Buku Tunai.
Apakah jenis kesilapan yang berlaku?

A Kesilapan songsang
B Kesilapan komisen
C Kesilapan prinsip
D Kesilapan amaun

21 Maklumat berikut menunjukkan satu kesilapan dalam catatan.

Sebuah perabot peribadi bernilai RM8 700 telah dibawa masuk untuk kegunaan perniagaan tetapi tidak dicatat dalam mana-mana buku.

Apakah **kesan** kesilapan tersebut terhadap penyata kewangan?

A Modal terlebih catat dan perabot terkurang catat RM8 700
B Modal terkurang catat dan perabot terlebih catat RM8 700
C Modal dan perabot terkurang catat RM8 700
D Modal dan perabot terlebih catat RM8 700

30 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perkongsian Maju pada 31 Mei 2025.

	RM
Akaun Modal	
Chong	50 000
Hasan	30 000
Akaun Semasa	
Chong	2 850
Hasan	550 (dt)

Catatan manakah tepat dalam Penyata Kedudukan Kewangan bahagian Ekuiti pemilik pada 31 Mei 2025?

A

	RM	RM
Ekuiti Pemilik		
Akaun Modal Chong		50 000
Akaun Modal Hasan		30 000
		80 000
Akaun Semasa Chong		2 850
Akaun Semasa Hasan		550
		3 400

B

	RM	RM
Ekuiti Pemilik		
Akaun Modal Chong	50 000	
Akaun Modal Hasan	30 000	
		80 000
Akaun Semasa Chong	2 850	
Akaun Semasa Hasan	(550)	2 300
		82 300

C

		RM
Ekuiti Pemilik		
Akaun Modal:		80 000
Akaun Semasa:		3 400
		83 400

D

		RM
Ekuiti Pemilik		
Akaun Modal:		80 000
Akaun Semasa:		2 300
		82 300

Bahagian A
[60 *markah*]
Jawab **semua** *soalan*

1 *(a)* Kedai Manan menjalankan perniagaan menjual peralatan pejabat.

Pada 2 Jun 2025, jumlah hutang Kedai Manan bernilai RM4 320. Syarat Diskaun tunai adalah 10% 7 hari, 5% 14 hari.

Hitungkan diskaun tunai jika menjelaskan hutang pada 9 Jun 2025.

[2 *markah*]

(b) Pada 31 Disember 2024, Iqmal Trading menerima tunai RM300 daripada seorang pelanggan yang hutangnya telah dihapuskan.

Apakah catatan bergu bagi urus niaga tersebut?

(i) _____

(ii) _____

[2 *markah*]

(c) Maklumat berikut diambil daripada Aiman Dekorasi.

Hasil perkhidmatan sebanyak RM250 telah tersalah rekod ke dalam Akaun Jualan.

Betulkan kesilapan tersebut menggunakan Jurnal (abaikan keterangan).

[2 *markah*]

(d) Maklumat berikut diambil daripada Kelab Rekreasi Ipoh pada 31 Disember 2024.

Penerimaan sehingga 31 Disember 2024:

	RM
Yuran ahli 2023	1 800
Yuran ahli 2024	59 400
Yuran ahli 2025	900

Baki pada 31 Disember 2024:

	RM
Yuran belum terima	1 200

Akaun yuran pada 31 Disember 2024 adalah seperti di bawah:

Akaun Yuran

	RM		RM
Yuran belum terima	1 800	**Bank**	**X**
Pendapatan dan perbelanjaan	**Y**	Yuran belum terima	1 200
Yuran belum terperoleh	900		

(i) Berapakah nilai **X**. **[1 *markah*]**

(ii) Berapakah nilai **Y**. **[1 *markah*]**

(e) Nyatakan **dua** sebab Akaun Modal pekongsi berbaki debit diakhir proses pembubaran. **[2 *markah*]**

(b) Penyata Bank yang diterima oleh Drone Technology Enterprise bagi bulan Ogos adalah seperti berikut:

BANK KITA BHD
Penyata Bank

Drone Technology Enterprise
Lot. 567, Jalan Sultan Azlan Shah,
31400 Ipoh, Perak

No. Akaun: 551148548512

Tarikh	Butir	No. cek	Debit	Kredit	Baki	
2025			RM	RM	RM	
Jun 1	Baki b/b				112	(dt)
3	Deposit			2 300	2 188	(kt)
4	Pindahan kredit			2 550	4 738	(kt)
	Cek	420011	300		4438	(kt)
5	Deposit			1 500	5 938	(kt)
7	Cek	420014	700		5 238	(kt)
14	Buku cek		15		5 223	(kt)
20	Cek	420016	2727		2 496	(kt)
25	Insurans		350		2 146	(kt)
27	Cek	420017	1100		1 046	(kt)
30	Dividen			410	1 456	(kt)

Maklumat tambahan:

(i) Cek bernombor 420016 tersilap catat di dalam Buku Tunai.

(ii) Cek bertarikh 22 Jun 2025 telah dipulangkan oleh bank dengan ditanda "Rujuk Penyuruh Bayar"

Berdasarkan jawapan anda di 3 (*a*), anda dikehendaki:

(1) Mengemas kini Buku Tunai (ruangan bank sahaja). [8 *markah*]

(2) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 Jun 2025. [4 *markah*]

(b) Marhaina adalah pemilik Spa Marhaina di Ipoh, Perak. Dia menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut sistem panjar dengan nilai panjar berjumlah RM200.

Urus niaga berikut diambil daripada buku Spa Marhaina

2025		RM
Julai 1	Baki buku tunai	57
1	Rekupmen dengan cek	?
5	Belian minuman pelanggan	30
16	Pinjaman Maryam	60
19	Belian pewangi spa	18
23	Bayaran bungkusan pos	45

Anda dikehendaki:

Menyediakan Buku Tunai Runcit bagi bulan Julai 2025 dengan menunjukkan lajur Belanja Pejabat, Pelbagai dan Belanja pos. Tunjukkan baki dan rekupmen pada 1 Ogos 2025. [8 *markah*]

6 Perniagaan Titisan Segar yang beroperasi di Seri Iskandar mengeluarkan minuman susu kambing segar pelbagai perisa secara kecil-kecilan. Maklumat berikut diperoleh daripada pemiagaan tersebut.

	RM
Bahan langsung	25 500
Angkutan masuk	200
Royalti	3 300
Gaji pekerja kilang	14 000
Jumlah	**43 000**

Sewa	10 000
Utiliti	6 600
Gaji penyelia kilang	5 000
Jumlah hasil	63 000

Unit pengeluaran 10 000 botol.

Anda dikehendaki:

(a) Menghitung

(i) Kos Berubah Seunit [2 markah]

(ii) Kos Tetap [2 markah]

(iii) Harga Jualan Seunit [2 markah]

(iv) Margin Caruman Seunit [2 markah]

(v) Titik Pulang Modal dalam unit dan RM [4 markah]

(vi) Keuntungan yang diperoleh jika unit yang dikeluarkan ialah 15 000 botol. [2 markah]

(b) Berdasarkan jawapan anda di 6 (*a*):

Lakar graf Titik Pulang Modal dengan:

(i) Melabelkan semua garisan pada graf

(ii) Menunjukkan Titik Pulang Modal

[6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

JAWAPAN KERTAS 1 (OBJEKTIF)

1.	B	11.	D	21.	C	31.	A
2.	D	12.	B	22.	B	32.	D
3.	B	13.	A	23.	C	33.	D
4.	D	14.	D	24.	A	34.	C
5.	C	15.	A	25.	A	35.	B
6.	C	16.	A	26.	D	36.	B
7.	B	17.	C	27.	C	37.	C
8.	A	18.	B	28.	A	38.	A
9.	D	19.	A	29.	C	39.	D
10.	C	20.	D	30.	B	40.	B

PECAHAN JAWAPAN	
A	10
B	10
C	10
D	10
JUMLAH	40

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Trial SPM

Prinsip Perakaunan (40+ set)

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- Folder Google Drive · Perakaunan 40+ set

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar